

Penubuhan Pasti, Taski muslihat Pas

BH 1 JUN 2008

PEKAN, Khamis - Penubuhan Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti) dan Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (Taski), semata-mata bertujuan memenuhi agenda tersirat Pas.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Naiib Tun Razak, berkata Pas' menggunakan pusat berkenaan untuk meracuni pemikiran anak kecil supaya membenci pemimpin dan menutup minda generasi muda itu terhadap apa yang dilakukan kerajaan.

"Harapan parti itu ialah apabila mereka besar, apa saja yang dilakukan kerajaan, walaupun baik akan dipandang sebagai sesuatu yang tidak baik dan mereka akan menentang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan baru Tabika Kemas Peramu Jaya I, dekat sini,

hari ini.

Sebelum itu, Najib dimaklumkan mengenai kes seorang bekas murid Pasti di salah sebuah kampung di Pekan menutup mata apabila melihat gambar Dr Mahathir kerana diberitahu oleh ibunya supaya berbuat demikian.

Mengikut laporan pegawai Kemas daerah ini, kes berkenaan dikesan ketika kanak-kanak itu belajar di sebuah Tabika Kemas, di sini.

Najib berkata, apa yang dilakukan pihak pembangkang itu adalah satu bentuk kezaliman sebenar kepada umat Islam, kerana mengutamakan agenda politik daripada melaksanakan program pendidikan sihat.

Katanya, ia berbeza dengan Tabika Kemas kerana tidak mengajar politik atau

berbentuk kepartian, sebaliknya memberi pendidikan yang sempurna.

"Apa yang penting, kita mahu melahirkan umat Islam yang sempurna dalam segala hal dan mampu bersaing dalam semua bidang," katanya.

Beliau berkata, bangsa lain, terutama Cina sanggup berbelanja beribu-ribu ringgit semata-mata untuk menghantar anak mereka ke kolej atau universiti swasta.